

هوڠ ليوڠ م.س.أ.ج. تكافل



**HongLeong MSIG Takaful**



## HLM Takaful **i-Flexi Protect**

Pelan Perlindungan Fleksibel Untuk  
Anda Dan Keluarga Anda



**EXCELLENCE IN INSURANCE  
& TAKAFUL 2020**

**Global Halal  
Excellence  
Awards**

Recognizing the world's leading sustainable Halal businesses

Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau  
hubungi 03-7650 1800  
Layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)

# Pelan perlindungan fleksibel untuk anda dan keluarga anda!

Mungkin membimbangkan untuk memikirkan tentang kematian. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk memiliki perlindungan Takaful kerana dapat membantu mengurangkan bebanan kewangan orang yang anda sayangi sekiranya perkara yang tidak dijangka berlaku.

HLM Takaful i-Flexi Protect, pelan Takaful keluarga sumbangan berkala memastikan keluarga anda dapat menarik nafas lega dengan jumlah sekaligus yang dibayar kepada keluarga anda. Mereka yang anda sayangi boleh menggunakan manfaat ini untuk membayar pinjaman perumahan, yuran sekolah, bil perubatan atau perbelanjaan harian, apabila anda telah tiada untuk menjaga mereka.

HLM Takaful i-Flexi Protect juga memberi anda fleksibiliti dalam memilih tempoh perlindungan anda sehingga umur 60, 70, 80 atau 90 tahun<sup>1</sup>.

## MANFAAT KAMI SEPINTAS LALU



### Manfaat Kematian

Waris anda akan menerima Jumlah Perlindungan Asas dan Nilai Akaun<sup>2</sup> di dalam Akaun Peserta

### Tempoh Perlindungan Fleksibel

Pilih untuk dilindungi sehingga umur 60, 70, 80 atau 90<sup>1</sup>



### Tingkatkan Perlindungan Anda

Hubungi Perunding HLM Takaful kami untuk mengetahui bagaimana untuk meningkatkan perlindungan anda dengan rider tambahan

### Manfaat Kematangan

Anda akan menerima Nilai Akaun<sup>2</sup> di dalam Akaun Peserta anda (*jika tiada tuntutan kematian*)



<sup>1</sup> umur hari jadi akan datang

<sup>2</sup> Nilai Akaun di dalam Akaun Peserta adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin.

## PERKHIDMATAN NILAI TAMBAHAN KAMI



### Badal Haji

**RM3,500<sup>3</sup>**

Kami akan melaksanakan rukun haji di Mekah bagi pihak peserta Islam Kami yang tidak dapat melaksanakan Haji.



### Korban

**RM750<sup>3</sup>**

Kami akan menjalankan "Ibadah Korban" termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan bagi pihak peserta Islam Kami.



### Wakaf

**RM500**

Anda boleh memilih untuk mewakafkan sebahagian daripada harta anda untuk tujuan keagamaan kepada organisasi kebajikan.

*Nota: Nilai perkhidmatan akan ditolak daripada Manfaat Kematian yang perlu dibayar di bawah sijil anda.*

## JENIS DANA TAKAFUL

### 1. Akaun Peserta (PA)

Sumbangan yang dibayar setelah ditolak Yuran Wakalah akan dimasukkan ke dalam PA. PA akan diurus dan dilabur oleh Pengendali Takaful. Nilai PA adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Keuntungan dari pelaburan PA akan dikongsi pada kadar 90:10 di antara peserta dan Pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Mudarabah<sup>4</sup>). Bahagian peserta akan dikreditkan ke dalam PA. Sebarang risiko pelaburan daripada PA akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan nilai PA mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.

<sup>3</sup> Tertakluk kepada harga pasaran pada tahun semasa perkhidmatan dijalankan.

<sup>4</sup> Mudarabah bermaksud kontrak di antara anda dan kami di mana anda menyediakan sumbangan untuk diurus oleh kami untuk tujuan pelaburan. Sebarang keuntungan pelaburan dari PA akan dikongsi antara anda dan kami dalam nisbah 90:10. Sekiranya pelaburan mengalami kerugian, kerugian akan ditanggung oleh anda, dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku kami (ta'addi), kecuaiian (taqsir) atau pelanggaran terma-terma tertentu (mukhalafah al-shurut).

## 2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak setiap bulan daripada PA ke dalam PRF (berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al-Tabarru'<sup>5</sup>) untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah pelan ini. Jumlah Perlindungan Asas dan Jumlah Perlindungan Rider (jika ada) akan dibayar daripada PRF dan adalah dijamin.

Sebarang lebih daripada PRF akan diagihkan pada kadar 50:50 di antara peserta yang layak dan Pengendali Takaful (berdasarkan Prinsip Ju'alah<sup>6</sup>). Bahagian peserta akan dikreditkan ke dalam PA.

## YURAN

### 1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza mengikut tempoh sumbangan dan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

Tempoh Sumbangan (tahun)	Tahun Sijil						7 sehingga akhir Tempoh Sumbangan
	1	2	3	4	5	6	
10	47.00%	37.00%	31.00%	21.00%	15.00%	10.00%	Tiada
15	60.00%	51.00%	49.00%	48.00%	20.00%	10.00%	
20 dan ke atas	68.00%	56.00%	56.00%	56.00%	38.00%	10.00%	

Di atas adalah contoh Yuran Wakalah untuk tempoh sumbangan berbeza. Sila rujuk Illustrasi Manfaat bagi Yuran Wakalah yang disediakan untuk pelan anda.

### 2. Tabarru'<sup>7</sup>

Tabarru' adalah bahagian daripada sumbangan yang dibayar yang akan diambil daripada PA dan diperuntukkan ke dalam PRF. Tabarru' akan digunakan untuk bantuan bersama di kalangan para peserta. Amaun Tabarru' bergantung kepada perlindungan, umur, jantina, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Dilindungi. Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin.

### 3. Yuran Pentadbiran Bulanan<sup>7</sup>

RM5 akan ditolak daripada PA setiap bulan. Yuran ini bertujuan untuk perkhidmatan dan selenggara sijil anda.

<sup>5</sup> Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.

<sup>6</sup> Ju'alah bermaksud perjanjian di mana anda bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada kami atas pencapaian atau prestasi baik kami dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya lebih dalam dana tersebut.

<sup>7</sup> Kami berhak untuk menyemak semula yuran dengan memberi notis bertulis kepada Peserta 90 hari sebelum ulang tahun sijil berikutnya.

#### 4. Yuran Serahan<sup>7</sup>

Yuran Serahan akan ditolak daripada Nilai Akaun:

Tahun Sijil	Tempoh Sumbangan (tahun)						
	10 - 14	15	16	17	18	19	20 dan ke atas
1	Tiada	1%	6%	8%	11%	13%	19%
2 dan ke atas	Tiada						

#### 5. Yuran Pengeluaran Separa<sup>7</sup>

Yuran Pengeluaran Separa akan ditolak daripada Nilai Akaun yang dikeluarkan:

Tahun Sijil	Tempoh Sumbangan (tahun)						
	10 - 14	15	16	17	18	19	20 dan ke atas
1	Tiada	1%	6%	8%	11%	13%	19%
2 dan ke atas	Tiada						

## SOALAN LAZIM

### 1. Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

### 2. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful i-Flexi Protect?

Umur kemasukan minimum adalah 30 hari manakala umur kemasukan maksimum adalah 70 tahun hari jadi berikutnya, tertakluk kepada tempoh perlindungan minimum 10 tahun.

### 3. Apakah perlindungan minimum dan maksimum?

Jumlah Perlindungan Asas minimum produk ini adalah RM10,000 manakala Jumlah Perlindungan Asas maksimum adalah tertakluk kepada pengunderaitan.

### 4. Berapa lamakah tempoh perlindungan?

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh perlindungan sehingga umur 60, 70, 80 atau 90 pada hari jadi berikutnya.

Jika anda memilih tempoh perlindungan sehingga umur 60, 70, atau 80 pada hari jadi berikutnya, anda boleh memilih Pilihan Perlindungan Berterusan ketika permohonan, di mana tempoh perlindungan sijil Orang Dilindungi akan berterusan sehingga umur 90 tahun untuk sijil asas dan umur perlindungan maksimum bagi sebarang rider yang dilampirkan (kecuali sebarang rider pengecualian sumbangan) **DENGAN SYARAT** terdapat Nilai Akaun yang mencukupi di dalam PA untuk ditolak yuran dan caj bagi sijil asas dan sebarang rider yang dilampirkan. Sumbangan Tambahan mungkin diperlukan sekiranya Nilai Akaun tidak mencukupi untuk menampung semua yuran dan caj sehingga akhir Tempoh Perlindungan.

Anda boleh memberikan notis lebih awal kepada kami untuk menarik balik Pilihan Perlindungan Berterusan sebelum sijil matang. Jika anda memilih untuk menarik balik Pilihan Perlindungan Berterusan, sijil asas dan semua rider yang dilampirkan akan luput bersama-sama sijil asas. Jika anda tidak memilih pilihan ini ketika awal penyertaan dalam pelan ini tetapi memohon untuk Pilihan Perlindungan Berterusan kemudiannya, anda adalah tertakluk kepada pengunderaitan.

### 5. Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Kami mempunyai pelbagai pilihan rider untuk memenuhi keperluan perlindungan anda. Sila bercakap dengan ejen HLM Takaful kami yang mesra untuk maklumat lanjut.

### 6. Apakah tempoh sumbangan, mod dan cara pembayaran?

Sumbangan boleh dibayar sehingga akhir tempoh perlindungan. Anda boleh membayar sumbangan anda sama ada tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui tunai, kad kredit/debit, debit auto, debit terus, arahan tetap atau Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

### 7. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-Flexi Protect?

Tiada Manfaat Kematian kecuali baki dalam PA (jika ada) akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh permulaan atau tarikh berkuat kuasa semula sijil, yang mana lebih kemudian.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Takaful Tambahan untuk senarai penuh pengecualian pelan asas atau Rider pilihan.*

### 8. Apakah yang berlaku sekiranya saya menamatkan sijil Takaful saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil Takaful anda dengan memulangkan sijil Takaful kepada kami dengan notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Baki di dalam PA anda (jika ada) ditolak yuran serahan akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil Takaful anda dan jumlah yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

### 9. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful i-Flexi Protect layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan kami maklumat yang secukupnya dan tepat supaya nasihat atas kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan situasi anda dapat diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas ia dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan akan dikembalikan kepada anda.
5. Prestasi pelaburan PA anda adalah tidak dijamin. Baki PA anda mungkin tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj berkaitan lain disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah. Dalam kes berikut, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan jika anda mahu mengekalkan sijil Takaful anda.
6. Sekiranya sumbangan tidak berbayar, sijil Takaful anda akan kekal berkuat kuasa selagi baki di dalam PA anda mencukupi untuk menampung Tabarru' dan caj berkaitan lain. Sekiranya PA anda tidak mencukupi untuk menampung semua caj dan tiada pembayaran dibuat oleh anda selepas tempoh ihsan selama 30 hari, sijil Takaful anda akan luput.
7. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka masa panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
8. Jika anda membatalkan sijil Takaful anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun lebih rendah daripada amaun yang anda telah sumbang.
9. Sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal, penyerahan atau kematangan sijil.
10. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kami, atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).
11. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**AHLI**



**Ibu Pejabat**

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my) atau [fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful](https://fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful)